



Tatabahasa



Aktiviti

Mutiara di dalam Tiram


1. Isi tempat kosong dengan kata adjektif yang sesuai.
2. Bina ayat dalam perenggan dengan menggunakan kata adjektif tersebut.

TEMA 14

Berbudhi kepada Alam



berkualiti halus berat besar
asli cantik buruk sukar berharga
elok jauh indah



Tiram ialah hidupan laut yang terkenal di Sabah. Walaupun hidupan ini **1** tetapi di dalamnya terdapat mutiara, sesuatu yang sangat **2** dan **3**. Namun demikian, mutiara yang **4** agak **5** diperolehi. Oleh itu, terdapat syarikat **6** yang mengambil inisiatif menternak tiram untuk mendapatkan mutiara. Syarikat tersebut merupakan syarikat usaha sama antara pelabur Malaysia dengan Jepun.

Syarikat usaha sama ini telah menjalankan penternakan tiram di sebuah pulau nun **7** di perairan Semporna, iaitu Pulau Bohey Dulang. Pulau yang **8** ini terletak kira-kira 18 kilometer dari pekan Semporna, Sabah. Syarikat ini menternak tiram dari jenis *silver lip* (*Pinctada Maxima*) yang berupaya menghasilkan mutiara yang **9**.

Mutiara yang **10** dan mempunyai permukaan yang **11** ialah mutiara yang berkualiti. Kecacatan mutiara ditentukan melalui tanda lekuk pada permukaannya. Mutiara yang mempunyai dua tanda lekuk atau lebih dianggap kurang **12**. Tanda lekuk ini boleh dikenal pasti dengan cara mengusap mutiara dengan hujung jari.

5.1.2 Memahami dan menggunakan kata adjektif jarak, pancaindera, ukuran dan sifatan dengan betul mengikut konteks.

179